

# Perarakan Berjubah Graduan

## Simbolik kerjasama antara warga UMS-KAL dengan Perbadanan Labuan



ISMAIL (depan) membawa skrol diiringi Harun (belakang, tengah) sempena Majlis Perarakan Berjubah Graduan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan ke-4 di Dataran Labuan, kelmarin.

**S**ERAMAI 320 peserta menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2012, kali ke-4, kelmarin.

Mereka terdiri daripada pegawai utama UMS, ahli-ahli senat, pensyarah dan graduan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) berarak sejauh 2 kilometer dari Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan bermula jam 8.30 pagi.

Program yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-14 yang akan diadakan di Kota Kinabalu pada 20 hingga 22 Oktober ini merupakan satu simbolik hubungan erat antara Perbadanan Labuan yang mewakili warga Labuan dengan warga UMS selain sebagai tanda terima kasih atas kesediaan penduduk Labuan menerima warga universiti sebagai komponen penting dalam masyarakat setempat.

Majlis itu dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Amir Onn Mustapha yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zainul Abidin Abdullah dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut hadir Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff AK Omang dan Prof Dr Shahril Yusof, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Pada majlis itu, Harun yang mewakili UMS dan Amin Onn yang mewakili Perbadanan Labuan menandatangani skrol mohon keizinan dan menyampaikan kunci dan sijil kepada wakil graduan sebagai tanda keizinan graduan menjadi warga Wilayah Persekutuan Labuan.

UMS merupakan institusi pengajian tinggi (IPT) yang pertama di negara ini menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan itu yang pernah diadakan di beberapa universiti ternama di luar negara.

Dalam ucapannya, Harun berkata kewujudan UMS-KAL ternyata membawa kesan yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang merangkumi pembangunan, ekonomi, budaya, pertumbuhan penduduk dan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut menjayakan majlis itu ialah pancaragam PDRM Kontinjen Kepayan, Pasukan Simpanan Tentera Udara (Palapes) UMS-KAL, UMS Sejati, kumpulan koir Perbadanan Labuan dan pancaragam Sekolah Menengah Sains Labuan.

Majlis perarakan berjubah graduan 2012 mendapat kerjasama penuh daripada Perbadanan Labuan, PDRM, Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Jabatan Pertahanan Awam.

Sementara itu, Harun berkata UMS akan meneliti cadangan Perbadanan Labuan untuk membuka satu lagi sekolah baru berkaitan industri minyak dan gas di UMS



Labuan. Beliau akan membincangkan perkara itu dengan pengurusan tertinggi universiti sebelum ia dipanjangkan ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk pertimbangan.

Beliau berkata, UMS akan memberi perhatian yang serius cadangan Perbadanan Labuan itu kerana Wilayah Persekutuan Labuan memiliki syarikat berkaitan minyak dan gas terutama Petronas dan Asian Supply Base (ASB) yang menjadi

pemangkin kepada industri itu serta membantu menjana ekonomi negara. Harun diminta mengulas ucapan Amir Onn yang bersedia membantu UMS menyediakan tapak tanah sekiranya sekolah atau program baru itu diwujudkan di pulau ini pada masa akan datang. Ketika ini, UMS-KAL hanya mempunyai dua sekolah iaitu SPKAL dan SSIL yang menawarkan program berkaitan kewangan dan perbankan serta teknologi komunikasi maklumat (ICT).



(Gambar atas) SEBAHAGIAN pensyarah SPKAL dan SSIL yang menyertai perarakan ke Dataran Labuan.

(Gambar kanan) HARUN (kiri) bersama Amir Onn menandatangani skrol mohon keizinan diperhatikan Yunus (berdiri kanan) dan Abdullah (kiri) sempena Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL 2012.



PELAJAR PLUMS bangga menyertai perarakan berjubah graduan 2012.

(Gambar atas) PELAJAR SPKAL paling ramai menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan kali ke-4.

(Gambar kiri) PASUKAN pancaragam PDRM Kontinjen Kepayan mengiringi Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL.

(Gambar kanan) PELAJAR SSIL bersedia untuk berarak dari Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan.



(Gambar atas) ABDULLAH (tengah) bergambar kenangan bersama pasukan Palapes yang menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan.

(Gambar bawah) HARUN (enam kiri) dan Amir Onn (lima kanan) bergambar kenangan bersama peserta perarakan berjubah graduan 2012 di Dataran Labuan.

